LANDSKAP

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

Edisi 13/2019

3-9 Ogos 2019

DALAM NEGARA

Sumber Alam - *Isu komoditi Sawit: Pekebun Kecil Sawit terikat pinjaman sebanyak RM 550 juta kepada pihak swasta.*

Ekonomi - *Cengkaman syarikat Multinasional Asing terhadap industri pengangkutan negara meningkat: Airbus bina hab antarabangsa di Malaysia*

Sosial - *Isu liberalisasi silibus pendidikan: Pengajaran subjek Politik berteraskan kerangka Demokrasi Liberal' akan diadakan di Sekolah-sekolah seluruh Malaysia*

LUAR NEGARA

Perundangan - *India gubal akta 37A, hapus hak autonomi Jammu dan Kashmir*

Ekonomi - *Arab Saudi suntik pinjaman $250 juta kepada Bank Negara Sudan*

IRIS INSTITUTE

Interdisciplinary Research and International Strategy©

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

3-9 Ogos 2019

RINGKASAN EKSEKUTIF

Landskap mingguan edisi ini menyentuh beberapa isu utama dalam dan luar negara. Perkembangan isu dalam negara adalah berkaitan isu komoditi sawit yang membabitkan peruntukan pinjaman sebanyak RM 550 juta oleh pihak kapitalis swasta kepada pekebun kecil sawit.

Selain itu, cengkaman syarikat multinasional asing terhadap industri pengangkutan negara dilihat meningkat apabila Airbus membina hab antarabangsa di Malaysia. Dalam isu pendidikan, pengajaran subjek politik berteraskan kerangka demokrasi liberal akan diadakan di sekolah-sekolah seluruhMalaysia.

Dalam isu luar negara, hak autonomi Jammu dan Kashmir dihapuskan apabila India menggubal akta 37A di dalam perlembagaan persekutuan mereka. Dalam perkembangan sektor media, syarikat multinasional media Perancis Vivendi, meluaskan pengaruh mereka di rantau Asia apabila menjual 10% pemilikan saham Universal Studios kepada Tencent. Dalam isu politik antarabangsa menyaksikan Arab Saudi menyuntik pinjaman $250 juta kepada Bank Negara Sudan dalam tindakan yang dilihat menyokong rejim pemerintahan baru negara itu.

DALAM NEGARA

SUMBER ALAM

Teresa berkata, kerajaan tidak lagi memperkenalkan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) kerana mahu berlaku adil dengan agensi lain seperti FELDA dan FELCRA.

1.0 Isu komoditi Sawit: Pekebun Kecil Sawit terikat pinjaman sebanyak RM 550 juta kepada pihak swasta.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok Suh Sim menyatakan di dalam Sinar Harian bahawa beliau tidak berhasrat untuk menyambung semula Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) yang diperkenalkan pada zaman Barisan Nasional.

Skim ini bertujuan membantu pekebun kecil dalam proses penanaman semula sawit dengan dana yang diberi sebanyak RM 7,000 per hektar. Sebaliknya, kerajaan Pakatan Harapan (PH) menggantikan skim bantuan tersebut kepada dua skim pinjaman iaitu Skim Pinjaman Mudah Tanaman Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) yang membabitkan peruntukan sebanyak RM 550 juta.

DALAM NEGARA

EKONOMI

Berdasarkan laporan Asian Defence Journal, Airbus akan mengaut keuntungan sebanyak RM1.6 Bilion hasil daripada pelaburan ini.

2.0 Cengkaman syarikat Multinasional Asing terhadap industri pengangkutan negara meningkat: Airbus bina hab antarabangsa di Malaysia

Berdasarkan laporan The Star, syarikat multinasional Perancis, Airbus Helicopter telah memilih Malaysia sebagai destinasi perniagaannya di rantau Asean apabila menubuhkan pusat penghantaran dan pembuatan helikopter (CDC) di Subang. Penubuhan pusat ini mengukuhkan lagi kedudukan Airbus sebagai hub aeroangkasa dan penerbangan di rantau Asean. Mengikut laporan Asian Defence Journal, Airbus akan mengaut keuntungan sebanyak RM 1.6 Bilion hasil daripada pelaburan ini.

Oleh itu, ekoran perkembangan industri penerbangan dan aeroangkasa, kerajaan Pakatan Harapan (PH) bercadang untuk menjadikan industri aeroangkasa sebagai industri strategik untuk Malaysia.

DALAM NEGARA

SOSIAL

"Untuk memastikan pelajar dan guru memperoleh maklumat terkini mengenai proses pilihan raya, kami akan memperkenalkan 'Kod QR' dalam buku teks, " Kata Maszlee dan Azhar Azizan Harun

3.0 Isu liberalisasi silibus pendidikan: Pengajaran subjek Politik berteraskan kerangka Demokrasi Liberal' akan diadakan di Sekolah -sekolah seluruh Malaysia

MalaysiaKini melaporkan bahawa kerajaan Pakatan Harapan (PH) akan memperkenalkan subjek pendidikan pilihan raya di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Usaha ini dilakukan melalui kerjasama antara Kementerian Pendidikan dan juga Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPRM). Sistem "QR Code" di dalam buku teks akan diperkenalkan untuk memastikan pelajar mendapat informasi politik terkini. Selain itu, kerajaan juga akan memperkenalkan program *"Civic Education Programme- Road to School"* pada tahun 2020 yang menyasarkan golongan pelajar di antara tingkatan 4 hingga tingkatan 6.

LUAR NEGARA

PERUNDANGAN

Kongress mengritik manifesto BJP dengan mengatakan bahawa parti tersebut hanya menyalin semula dokumen pengundian yang pernah diterbitkan pada tahun 2014

4.0 India gubal akta 37A, hapus hak autonomi Jammu dan Kashmir.

Parti Hindu BJP pimpinan Narenda Modi menggubal akta 37A dalam perlembagaan mereka baru-baru ini. Penggubalan akta ini, menyebabkan hak autonomi Jammu dan Kashmir dihapuskan. Antara hak keistimewaan yang dimiliki oleh Kashmir sebelum ini ialah hak ke atas pemilikan tanah dan hak kewarganegaraan. Sebelum ini, penduduk yang tidak berasal dari Jammu dan Kashmir tidak dibenarkan untuk membeli hartanah di sana. Kini, sesiapa sahaja sudah mempunyai hak untuk membeli hartanah di dua kawasan ini.

LUAR NEGARA

EKONOMI

Putera Salman ketika bertemu dengan Ketua Majlis Ketenteraan Peralihan Sudan (TMC), Abdul Fattah al-Burhan semasa sidang Kemuncak Liga Arab di Istana Al Safa di Mekah, Arab Saudi pada 31 Mei 2019.

5.0 Arab Saudi suntik pinjaman $250 juta kepada Bank Negara Sudan

Menurut sumber daripada Reuters, Arab Saudi menyuntik dana $250 Juta kepada Bank Negara Sudan. Bantuan yang diberikan kepada Sudan adalah berbentuk pinjaman bersyarat dan bukan sebagai pemberian atau hadiah. Namun, sehingga kini tidak dapat dipastikan adakah pinjaman itu adalah dari kerajaan Saudi ataupun Institusi Kewangan antarabangsa yang beroperasi di negara terbabit.

IRIS Institute
Interdisciplinary Research and International Strategy

Bandar Baru Bangi

No 6-23-3A, Jalan Medan,
Pusat Bandar 8A,Bangi Sentral,